



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 6486
E-mel : ukk@kpdn.gov.my

TINJAUAN PELAKSANAAN BUDI DIESEL

Lawatan ke Stesen Petronas Bandar Dato' Onn, Johor Bahru hari ini adalah bagi meninjau sendiri pelaksanaan **BUDI MADANI Diesel (BUDI Diesel)** yang telah berkuat kuasa sepenuhnya di seluruh negara mulai 1 Julai 2026.

Lawatan ini memberi peluang untuk saya melihat sendiri kelancaran proses transaksi di stesen minyak, selain mendapatkan maklum balas secara terus daripada pengusaha stesen, petugas barisan hadapan serta pemilik kenderaan yang layak menerima subsidi diesel. Maklum balas yang diterima amat penting bagi memastikan pelaksanaan inisiatif ini berjalan lancar serta mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Kementerian Kewangan menganggarkan seramai 700,000 pemilik kenderaan diesel persendirian akan menikmati manfaat daripada pelaksanaan ini, melibatkan kira-kira 400,000 pemilik kenderaan di Semenanjung Malaysia serta 300,000 pemilik kenderaan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Angka ini merupakan peningkatan yang signifikan berbanding mekanisme BUDI Diesel Individu sebelum ini yang hanya melibatkan kira-kira 180,000 penerima bantuan tunai bulanan di Semenanjung Malaysia.

Pelaksanaan BUDI Diesel merupakan komitmen Kerajaan MADANI dalam memastikan subsidi disalurkan secara lebih bersasar, telus dan berkesan kepada golongan yang layak. Melalui mekanisme baharu ini, rakyat yang memenuhi syarat kelayakan dapat menikmati diesel bersubsidi pada harga **RM2.10 seliter** dengan proses yang lebih mudah dan sistematik.

Bagi kategori pemilik kenderaan diesel persendirian, syarat kelayakan meliputi warganegara Malaysia yang memiliki MyKad sah, mempunyai lesen memandu masih aktif bagi kelas dan jenis yang diluluskan, memiliki kenderaan diesel persendirian yang aktif serta kenderaan tersebut didaftarkan atas nama pemohon yang juga merupakan pemegang lesen memandu yang layak. Penetapan syarat ini penting bagi memastikan subsidi disalurkan kepada kumpulan sasaran dan mengelakkan sebarang ketirisan.

Selain itu, pemilik berdaftar kenderaan diesel turut dibenarkan memindahkan kelayakan subsidi kepada seorang ahli keluarga terdekat

yang merupakan pengguna sebenar kenderaan berkenaan. Ahli keluarga yang layak terdiri daripada pasangan, ibu atau bapa, anak atau adik-beradik. Pindahan ini hanya dibenarkan sekali dan kepada seorang penerima sahaja dengan permohonan perlu dibuat melalui portal rasmi BUDI MADANI.

Dalam masa sama, kerajaan turut memberikan pengecualian sementara fi Tukar Hak Milik (THM) bagi kenderaan diesel selama tiga bulan bermula 1 Julai 2026. Langkah ini bertujuan membantu pemilik mengemas kini rekod pemilikan kenderaan di semua kaunter JPJ yang akan beroperasi dari jam 8 pagi hingga 5 petang sepanjang Julai ini.

Dalam pada itu, Kerajaan turut menambah kuota subsidi diesel sebanyak 100 liter kepada pemilik kenderaan diesel persendirian jenis pikap dan jip yang layak, sekali gus meningkatkan jumlah kelayakan subsidi sehingga **300 liter sebulan** bagi kategori tersebut dengan mengemukakan permohonan tambahan kuota di pejabat LHDNM, manakala urusan berkaitan Tukar Hak Milik kenderaan boleh dilakukan di kaunter JPJ. Langkah ini mengambil kira keperluan penggunaan yang lebih tinggi dalam kalangan pemilik kenderaan berkenaan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan terus memantau pelaksanaan BUDI Diesel di seluruh negara. Sebarang isu yang dikenal pasti akan ditangani segera melalui kerjasama erat dengan Kementerian Kewangan, syarikat minyak serta agensi-agensi berkaitan bagi memastikan pelaksanaan inisiatif ini berjalan lancar dan rakyat yang layak terus menikmati manfaat subsidi tanpa sebarang gangguan.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut, membuat semakan atau mengemukakan permohonan melalui portal rasmi BUDI MADANI di www.budimadani.gov.my.

YB SENATOR DATUK DR FUZIAH SALLEH

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

Johor
2 Julai 2026

